

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/1993

April 1993

STW212 - Intervensi Sosial dengan Individual
Keluarga dan Kumpulan

Masa: (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi dua muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Anda perlu menjawab EMPAT (4) soalan. Soalan Bahagian A wajib dijawab. Semua jawapan mestilah di dalam Bahasa Malaysia.

BAHAGIAN A: Mesti dijawab.

1. Jika kita berjalan-jalan di dalam KOMTAR, bandar Pulau Pinang, baik siang ataupun malam, kita boleh melihat berjenis-jenis remaja di situ. Ada yang duduk termenong, ada yang bercakap-cakap berdua-duaan atau berkumpulan, ada yang datang kepada kita meminta sedekah, ada yang berjual, ada yang merokok dan gelak ketawa.

Soalan

- (a) Jikalau anda berada dalam keadaan di atas, apakah isu utama yang boleh dikesani berkait dengan keadaan ini.
- (b) Ceritakan kemungkinan perasaan yang akan terbit di dalam diri anda yang boleh dikaitkan dengan keadaan ini, terutama selepas anda telah menjalani kursus kaedah intervensi dengan individu dan kumpulan.
- (c) Jika seorang daripada mereka datang meminta sedekah kepada anda
 - (i) Apakah isu yang boleh dikesani daripada episod ini.
 - (ii) Sebagai seorang pekerja kemasyarakatan yang terlatih, sebutkan langkah-langkah yang boleh diambil daripada aspek kerja intervensi dengan individu dan keluarga.
 - (iii) Beri analisis mengenai kaedah intervensi keadaan di atas daripada perspektif teori-teori yang telah dipelajari berkait dengan proses menolong.

BAHAGIAN B: (Teori)

Pilih **SATU** (1) daripada dua (2) soalan.

2. Siporin, Whittaker dan beberapa ahli teori berhubung dengan proses menolong mengutarakan beberapa fasa di dalam proses intervensi agar kerja menolong dilaksanakan secara sistematis. Apakah elemen-elemen yang sama di dalam semua penulisan berkait dengan fasa ini.

(25 markah)

3. Veronica Coulshed dan Martin Davis mengutarakan idea dan pendekatan berkait dengan Praktik Kerja Kemasyarakatan. Pilih salah satu penulisan di atas. Ceritakan dengan ringkas apakah tema utama di dalam penulisan ini yang didapati berguna sebagai satu pendekatan dalam praktik kerja kemasyarakatan.

(25 markah)

BAHAGIAN C: (Praktik)

Jawab **DUA** (2) dari tiga (3) soalan.

4. Ceritakan satu keadaan di mana anda telah melaksanakan intervensi. Bagaimanakah keadaan ini boleh dihadapi dengan menggunakan pendekatan sistem atau pendekatan keagamaan.

(25 markah)

5. Apakah

(a) asas pengetahuan

(b) kemahiran

yang perlu dalam pendekatan pembangunan sosial. Gunakan contoh di dalam jawapan anda.

(25 markah)

6. Di dalam dinamik kerja kumpulan, ahli-ahli boleh memainkan beberapa rol. Sebutkan empat (4) rol yang biasa didapati di dalam proses perkembangan kumpulan.

Pilih dua (2) daripada empat (4) rol ini dan ceritakan keadaan di mana rol ini boleh dilihat.

(25 markah)